

**PENJENAMAAN SEMULA SISTEM PENTADBIRAN TINGKATAN ENAM:  
SATU KAJIAN KES****Tang Keow Ngang\***  
**Tham Yoke Mei**Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan  
Universiti Sains Malaysia  
tang@usm.my \***ABSTRACT**

This qualitative study utilized a case study design to examine the effect of rebranding of the Form 6 administrative system which has been implemented since 2008. This study aimed to explore the knowledge and understanding of the Form 6 teachers about the impact of rebranding. The study was conducted in a secondary school in Penang and subjects of the study were selected by using purposive sampling. A total of 10 Form 6 teachers was selected as the study sample. The methods of data collection used comprised of interview, observation and document analysis. Results indicated that majority of the Form 6 teachers who support this rebranding administrative system because they view it as a way to improve the current situation of Form 6 that is deteriorating. However there are still some of them who are not satisfied with this rebranding process. This is because of they felt that the new administrative system has increased their workload because there is an added burden of research and colloquium sessions. Furthermore, they are also not satisfied with reward system of promotion. The implication of this study is the goal of rebranding Form 6 administrative system needs to be established in order to improve the effectiveness of the system.

**Keywords:** Rebranding, Form 6 administrative system, colloquium, research

**PENGENALAN**

Pada tahun 2008, penjenamaan semula Tingkatan 6 yang lebih bercirikan sistem universiti termasuk pembelajaran berbentuk kuliah dan tutorial telah diperkenalkan. Langkah penjenamaan semula sistem pentadbiran Tingkatan 6 merupakan salah satu strategi untuk menaikkan taraf Tingkatan 6 agar selaras dengan statusnya sebagai pendidikan prauniversiti yang berperanan melengkapkan diri pelajar yang bakal menuntut ilmu dalam persekitaran institusi pengajian tinggi (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2008).

Tingkatan 6 ialah peringkat peralihan pelajar dari tahap pendidikan menengah ke tahap pengajian tinggi maka penstrukturan pendidikan Tingkatan 6 sebagai satu langkah penambahbaikan dalam sistem pentadbiran agar dapat menyediakan persekitaran dan kemudahan kursus yang berbeza daripada sekolah menengah biasa. Sebelum ini pentadbiran kelas Tingkatan 6 telah dikelolakan di sekolah-sekolah menengah harian bantuan penuh kerajaan sejak 50 tahun yang dulu. Jadi, pengurusan pentadbiran, organisasi kelas serta pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran merupakan sebahagian daripada persekolahan menengah biasa dan diuruskan selaras dengan sistem pentadbiran sekolah menurut acuan pengurusan pentadbiran Tingkatan 1 hingga Tingkatan 5.

Mulai tahun 2008, langkah penambahbaikan dari segi pengurusan, fungsi guru Tingkatan 6 dan kebajikan pelajar diberi tumpuan. Matlamat yang ingin dicapai adalah menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran Tingkatan 6 lebih menarik dan kemas kini serta menonjolkan suasana

pembelajaran ala universiti yang kondusif. Cadangan penambahbaikan yang disarankan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia pada tahun 2008 merangkumi beberapa aspek seperti pengurusan dan pentadbiran, pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan dan penulisan ilmiah, kemudahan fizikal serta peranan Jabatan Pelajaran Negeri dan Pejabat Pelajaran Daerah/Gabungan.

Dalam aspek pengurusan dan pentadbiran, jawatan Guru Penolong Kanan Tingkatan 6 diwujudkan untuk menguruskan semua hal ehwal pelajar Tingkatan 6 yang berkaitan dengan pentadbiran, kurikulum, kebajikan dan kokurikulum. Pihak sekolah perlu menyediakan suasana pembelajaran Tingkatan 6 yang lebih bersifat berdikari dan kondusif. Jumlah waktu guru Tingkatan 6 untuk mengajar tingkatan lain dikurangkan agar mereka mempunyai lebih banyak masa untuk membuat persediaan bagi pengajaran dan penyelidikan bagi mata pelajaran tersebut agar proses pengajaran dan pembelajaran lebih menarik dan kondusif. Profesionalisme guru ditingkatkan dengan memilih guru yang mempunyai opsyen yang sesuai dengan mata pelajaran yang ditawarkan (Surat Pekeliling KPM: KP(BPSH-SPSM) 303/01/(4), bertarikh 20-5-2009).

Kemahiran guru dalam membuat penyelidikan dan penulisan ilmiah merupakan ciri-ciri penting dalam pengajaran dan pembelajaran. Sesi penyelidikan melatih pelajar dalam kemahiran mencari bahan, mengekstrak isi-isi penting daripada karya-karya yang disorot dan menganalisis isi kandungan tersebut mengikut pandangan penyelidik. Penyelidikan dijadikan satu amalan utama bagi guru Tingkatan 6 agar tugas mereka setara dengan pensyarah di pusat pengajian tinggi. Pelbagai pendekatan dan kaedah seperti kuliah dan tutorial diperkenalkan serta pelaksanaan waktu pengajaran yang lebih fleksibel dan selaras dengan keperluan sukatan pelajaran mengikut semester (Surat Pekeliling KPM: KP(BPSH-SPSM) 303/01/(4), bertarikh 20-5-2009).

Pelbagai kemudahan fizikal telah disediakan bagi mewujudkan persekitaran 'ala universiti', seperti menyediakan dewan kuliah, bilik asrama dilengkapi dengan kemudahan untuk belajar. Kelas dan sekolah pusat Tingkatan 6 dibuka, pemusatan aliran/jurusan dirancang dengan mengkaji permintaan dan nilai pakej mata pelajaran yang ditawarkan. Perancangan pakej mata pelajaran sebagai unjuran produk negeri untuk menghasilkan graduan-graduan yang sesuai atas permintaan negeri masing-masing.

Di bawah proses penjenamaan semula sistem pentadbiran Tingkatan 6 ini, seorang Guru Penolong Kanan Tingkatan 6 gred DG 48 dilantik. Beliau bertanggungjawab membantu pengetua dalam semua urusan pengajian dan aktiviti Tingkatan 6. Guru yang asalnya berada di gred DG 41 diberi peningkatan gred DG 44, gred DG 44 ke DG 48 serta DG 48 ke DG 52. Promosi dalam kategori masing-masing adalah berdasarkan kriteria dan syarat-syarat yang ditetapkan. Syarat-syarat pemangkuan jawatan dibahagikan kepada jenis syarat umum dan khas. Bidang tugas guru Tingkatan 6 terbahagi kepada dua iaitu interaksi dengan pelajar dan tanpa interaksi dengan pelajar. Waktu persekolahan bagi Tingkatan 6 dipanjangkan kerana pertambahan 2 waktu untuk penyelidikan dan 2 waktu bagi sesi kolokium serta 2 waktu dikhaskan untuk kegiatan kokurikulum (Surat Pekeliling KPM: KP(BPSH-SPSM) 303/01/(4), bertarikh 20-5-2009).

Setiap guru Tingkatan 6 termasuk Guru Penolong Kanan Tingkatan 6 dikehendaki menyediakan empat folio bagi tujuan pemantauan iaitu folio pengajaran dan pembelajaran, folio penyelidikan pelajar dan guru, folio penilaian dan pentaksiran serta folio kurikulum. Kandungan folio ini akan menjadikan bahan pemantauan oleh pihak pentadbir untuk menilai prestasi guru Tingkatan 6. Guru Tingkatan 6 yang menjawat gred jawatan yang tertinggi seperti DG 52 atau DG 48 perlu memegang jawatan khas seperti Setiausaha Peperiksaan Sekolah, Ketua Penyelidikan, Ketua Unit Mata Pelajaran Tingkatan 6 serta Ahli Jawatankuasa Majlis Kurikulum Sekolah.

## PERNYATAAN MASALAH

Murid lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) sentiasa menjadikan pelajaran Tingkatan 6 sebagai pilihan terakhir. Mereka lebih cenderung untuk melanjutkan pelajaran mereka ke luar negara, Kolej Universiti, Kolej Matrikulasi serta kolej swasta. Satu pola kemerosotan yang ketara wujud iaitu pelajar Tingkatan 6 yang berdaftar pada bulan Mei 2010 menunjukkan kemerosotan hampir 40 peratus berbanding dengan tahun sebelumnya di seluruh negara. Berdasarkan rekod pendaftaran pelajar baru Tingkatan 6 bagi sebuah sekolah di Pulau Pinang didapati bilangan pelajar yang telah ditawarkan kemsukan Tingkatan 6 bagi tahun 2009 ialah 295 orang, tetapi hanya 116 orang (39.3%) pelajar yang

berdaftar. Pada tahun 2010, walaupun 416 tempat ditawarkan, tetapi 107 orang (25.7%) pelajar yang mendaftar. Ini jelas menunjukkan peratusan pelajar yang mengambil keputusan untuk melanjutkan pelajaran Tingkatan 6 ini telah merosot sebanyak 13.6 peratus. Bilangan kelas Tingkatan 6 di sekolah juga didapati berbeza-beza, yakni ada yang sekecil 2 buah sehingga terbesar sebanyak 22 buah kelas. Masalah kekurangan pelajar Tingkatan 6 dan perbezaan besar dalam bilangan kelas akan menyebabkan pembaziran sumber tenaga pengajar.

Guru Tingkatan 6 dikehendaki menyediakan satu hasil kajian tindakan/penyelidikan dan menghadiri kolokium berkenaan untuk meningkatkan kompetensi mereka. Hal ini turut membebankan guru yang perlu melaksanakan pelbagai tugas pengurusan pengajaran. Walaupun guru Tingkatan 6 ditawarkan insentif seperti kenaikan pangkat iaitu diberi peningkatan gred jawatan, tetapi proses penyediaan dan pemberian surat lantikan dan kenaikan pangkat telah mengambil masa yang panjang. Kegagalan dalam pembekalan garis panduan terperinci seperti sukatan pelajaran baru, kursus, bengkel dan latihan kepada guru Tingkatan 6. Sistem pemantauan yang tidak rapi bagi slot penyelidikan telah menunjukkan kelemahan dalam sistem pentadbiran Tingkatan 6. Menurut Gold dan Roth (1993), perubahan dalam penstrukturan dan pengurusan organisasi secara mendadak akan meningkatkan kekeliruan dan tekanan kepada subordinat.

## TUJUAN KAJIAN

Kajian penerokaan ini bertujuan untuk meneroka pandangan guru Tingkatan 6 tentang kesan-kesan penjenamaan semula sistem pentadbiran Tingkatan 6. Kajian ini diusahakan dengan harapan untuk mencapai tujuan-tujuan kajian seperti berikut:

1. Memperihalkan perubahan dan kesan penjenamaan semula sistem pentadbiran Tingkatan 6 terhadap guru dari aspek bidang tugas harian mereka.
2. Memperihalkan pandangan guru Tingkatan 6 dari segi kesepadanan kepuasan kerja, beban tugas dan ganjaran dalam amalan penjenamaan semula sistem pentadbiran Tingkatan 6.
3. Memperihalkan pandangan guru terhadap sesi penyelidikan dan kolokium untuk pelajar dan guru Tingkatan 6.
4. Memperihalkan pandangan guru terhadap kekurangan-kekurangan dalam pelaksanaan sistem pentadbiran Tingkatan 6.
5. Memperihalkan cabaran dan harapan guru Tingkatan 6 terhadap penjenamaan semula sistem pentadbiran Tingkatan 6.
6. Memperihalkan pandangan guru terhadap perhubungan sosial antara guru-guru dalam penjenamaan semula sistem pentadbiran Tingkatan 6.

## METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif berasaskan kajian kes. Kajian kualitatif menggunakan pelbagai kaedah iaitu temu bual, pemerhatian dan dokumen analisis bagi mendapatkan data yang luas dan terperinci mengenai pelbagai variabel pada jangka masa yang panjang dalam sesuatu keadaan yang sebenar (Gay & Airasian, 1996).

Populasi kajian ialah semua guru Tingkatan 6 iaitu seramai 36 orang, termasuk seorang Guru Penolong Kanan Tingkatan 6, seorang Guru Hal Ehwal Pelajar Tingkatan 6, seorang Guru Kokurikulum Tingkatan 6 dan yang lain merupakan guru akademik Tingkatan 6 di sebuah sekolah menengah di Pulau Pinang. Sebanyak 10 orang sampel telah dipilih secara rawak bertujuan berdasarkan kriteria utama iaitu pengalaman mereka mengajar di Tingkatan 6 sebelum tahun 2008 hingga masa ini. Kriteria ini penting diambil kira kerana sampel yang dipilih pernah mengalami perubahan pentadbiran Tingkatan 6 sebelum dan selepas pelaksanaan penjenamaan semula pentadbiran Tingkatan 6.

Instrumen kajian yang digunakan untuk mengumpul data ialah soalan temu bual, catatan pemerhatian dan catatan dokumen yang dianalisis. Soalan temu bual separa struktur digunakan sebagai panduan dalam sesi temu bual untuk mendapatkan pandangan guru mengenai kesan perubahan,

bidang tugas, kelemahan dan kekuatan penjenamaan semula, kepuasan kerja, cabaran dan harapan untuk masa depan.

Kaedah pengumpulan data yang utama adalah melalui temu bual. Semasa sesi temu bual dilaksanakan, penyelidik mengambil nota untuk mencatat maklumat dan membuat rakaman audio. Setelah dirakam, hasil temu bual tersebut ditranskrip dan seterusnya dianalisis dengan konten analisis. Sebelum membuat triangulasi data, prosedur berikut telah dilakukan. Pemerhatian sebanyak tiga kali telah dibuat semasa pengendalian sesi penyelidikan responden R1, R4 dan R6 dengan pelajar Tingkatan 6 pada hari yang berlainan. Satu kali pemerhatian dilakukan bagi sesi kolokium bagi pelajar aliran Sastera. Analisis dokumen melibatkan penelitian terhadap 6 jenis dokumen iaitu surat-surat dokumen Kementerian Pelajaran Malaysia mengenai 'Pelaksanaan Pengurusan Baru Tingkatan Enam', Borang Pelaporan Seminar Tingkatan 6, Garis Panduan Pengurusan Tingkatan Enam, 'slide' yang dipaparkan dalam internet oleh Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, Kementerian Pelajaran Malaysia serta folio panitia dan rekod tugas harian. Kaedah triangulasi yang digunakan ialah triangulasi data dan triangulasi metodologi.

Naratif responden dianalisis untuk pembinaan deskripsi dan pemahaman secara induktif tentang perubahan pentadbiran dan guru. Penyelidik membuat 'cross check' data yang dikutip daripada pemerhatian dengan kandungan dokumen bersama dengan data temu bual untuk mengenal pasti dan mengesahkan prosedur pelaksanaan yang selaras antara satu sama lain. Seterusnya, dapatan tersebut dibuat interpretasi untuk menghasilkan kesimpulan berdasarkan interpretasi tersebut.

## PERBINCANGAN DAPATAN KAJIAN

### *Pandangan Guru Tentang Perubahan Yang Dialami Akibat Penjenamaan Semula Sistem Pentadbiran Tingkatan 6*

Hasil kajian menunjukkan ada responden kajian mengalu-alukan perubahan yang dibawa oleh penjenamaan semula sistem pentadbiran Tingkatan 6 kerana mereka berasa perubahan ini adalah perlu manakala ada pula tidak menyokong perubahan tersebut. Responden yang menyokong perubahan akibat daripada penjenamaan semula sistem pentadbiran Tingkatan 6 lebih untuk kepentingan diri guru sendiri kurang berkaitan dengan perkembangan pelajar. Alasan yang diberi untuk menyokong perubahan tersebut seperti dapat mengajar dalam bidang yang diminati, tidak perlu mengajar tingkatan lain, perubahan tersebut menjadi sistem lebih mantap dan sistematik, dapat naik pangkat dan naik gaji. Kesimpulannya, guru menganggap penjenamaan semula sistem pentadbiran Tingkatan 6 tidak banyak membantu dari segi peningkatan prestasi akademik pelajar, pandangan ini akan menjadi satu halangan besar terhadap perubahan.

"Dapat mengajar tingkatan 6 sepenuhnya dan tak perlu ajar tingkatan bawah seperti dulu" (R1)

"Lebih mantap dan sistematik" (R2)

"Naik pangkat dari DG 41 ke DG 44." (R4)

Bagi responden yang tidak menyokong perubahan tersebut pula menyatakan alasan tidak menyokong juga tidak mengenai pembelajaran pelajar seperti waktu persekolahan bertambah panjang, kerja dokumentasi meletihkan, sesi penyelidikan dan kolokium membebankan guru, dan pelajar boleh belajar sesi penyelidikan di universiti kelak, tidak perlu belajar semasa Tingkatan 6. Kesimpulannya, guru masih keliruan dengan matlamat utama kementerian mengadakan perubahan tersebut.

"Waktu yang tambah panjang tetapi tidak membawa impak kepada pencapaian yang meningkat. Perubahan bertujuan meningkatkan produktiviti bukan perubahan untuk perubahan" (R2, R3, R6, R10)

".....Kerja/dokumentasi bertambah banyak" (R4)

"Dari segi masa, balik lebih lewat berbanding dahulu" (R5)

"Tidak perlu sebab pelajar boleh belajar semua ini di universiti" (R8)

*Pandangan Guru Dari Segi Kesepadanan Keuasan Kerja, Beban Tugas dan Ganjaran*

Dapatan kajian menunjukkan hampir kesemua responden berpendapat bahawa perubahan sistem pentadbiran Tingkatan 6 telah menambahkan beban tugas mereka. Hanya seorang responden yang berpendapat perubahan itu adalah baik kerana beliau dapat mengajar bidang yang disukainya dan pelajar menjadi lebih matang.

"Berbaloi kerana saya dapat mengajar dalam bidang yang disukai dan pelajar lebih matang" (R1)

"...cara waktu dibuat yang membuatkan guru perlu tunggu/buang masa awal pagi dan hanya memenuhi slot yang akhir sehingga jam 3.10" (R6)

"Persediaan Tingkatan 6 berat dan banyak" (R10)

Hal ini boleh dijelaskan dengan rujukan kepada analisis dokumen atas jadual waktu responden pada masa sebelum dan selepas penjenamaan semula. Jadual waktu telah berubah kerana penambahan sesi penyelidikan dan kolokium. Oleh itu, masa persekolahan bagi hari Selasa dan Rabu dipanjangkan kepada 3.30 petang. Bilangan waktu mengajar maksimum diubah daripada 32 waktu kepada 37 waktu. Ini adalah disebabkan jadual waktu baru dibahagikan kepada 2 bidang tugas iaitu tugas interaksi dalam bilik darjah dan tugas luar bilik darjah (tanpa interaksi). Tugas interaksi dalam bilik darjah termasuk bilangan waktu mengajar 16-24 waktu iaitu 2 waktu kokurikulum, 2 waktu penyelidikan/konsultasi, 2 waktu kolokium. Jumlah waktu interaksi dalam bilik darjah antara 22 hingga 30 waktu. Sementara itu, tugas luar bilik darjah termasuk 4 waktu persediaan pengajaran dan pembelajaran, 3 waktu penyelidikan, 6 waktu penilaian dan pentaksiran dan 2 waktu penggubalan item. Jumlah waktu tugas luar bilik darjah ialah 15 waktu. Jadi jumlah keseluruhan waktu mengajar bagi guru Tingkatan 6 selepas penjenamaan baru antara 37 hingga 45 waktu.

Menurut profil responden, didapati R1, R3 dan R10 adalah antara guru Tingkatan 6 yang telah menerima ganjaran kenaikan pangkat dengan faedah kewangan yang agak menarik. Kenaikan pangkat mereka juga diberi hak tuntutan perbezaan gaji dan elaun pemangkuan tertunggak yang dikira secara 'back dated' ke Januari 2008. Oleh demikian, dapatan kajian menunjukkan tahap keuasan yang paling tinggi wujud dalam ketiga-tiga responden tersebut dalam isu kesepadanan ganjaran dan beban tugas. Dapatan kajian menunjukkan R2, R8 dan R9 masih tidak puas hati dengan ganjaran tersebut walaupun mereka telah diberi perlantikan kenaikan pangkat. Ini mungkin disebabkan oleh kenaikan pangkat mereka daripada kategori biasa ke kategori akademik Tingkatan 6 adalah serentak dengan kenaikan 'time based' (kes R2 dan R8). Kenaikan pangkat ini cuma memberi kenaikan gaji dan tambahan elaun yang terlalu sedikit dibandingkan dengan kedudukan tangga gaji sebelumnya (kes R9). Implikasinya ialah faedah kewangan yang diterima oleh guru kumpulan ini tidak sebesar dengan kumpulan R1, R2 dan R10. Oleh demikian, wujud sistem ganjaran tidak seimbang dan seterusnya timbul perasaan ketidakpuasan hati mereka.

"Ganjaran / insentif tidak memadai dengan beban yang diberi" (R2)

"Insentif yang diberi tidak sepadan dengan beban tugas kerana kebanyakan cikgu sudah naik dari segi Time-based" (R8)

"Ganjaran / insentif yang lebih besar perlu ada untuk menggalakkan dan memotivasikan guru" (R9)

Hanya seorang responden (R6) sahaja yang belum/tidak menerima ganjaran kenaikan pangkat, telah memberi refleksi ketidakpuasan hati terhadap bebanan tugas dan ganjaran. R6 berharap diberi sedikit kelonggaran dalam pengurusan penyelidikan dan kolokium serta masa bertugas persekolahan dipendekkan. Respon daripada R4, R5 dan R7 yang telah menerima kenaikan pangkat tetapi mereka tidak memberi komen sama ada mereka berpuas hati dalam hal keselarasan antara ganjaran dengan beban tugas.

"Bagi yang dilantik dapatlah ganjarannya bagi yang belum dilantik membebankan"  
(R6)

"...penstrukturan tingkatan 6 merupakan jalan pintas untuk memasuki gred gaji yang lebih tinggi. Jadi bagi kumpulan ini, ganjaran adalah sejajar dengan tambahan beban kerja" (R5)

Maka bolehlah rumuskan bahawa wujudnya perkaitan antara kepuasan kerja guru dan ganjaran dalam amalan penjenamaan semula sistem pentadbiran Tingkatan 6 seperti yang dinyatakan oleh Ab. Aziz (2002), iaitu pekerja bekerja untuk memuaskan pelbagai keperluan dan kepuasan kewangan merupakan salah satu daripadanya. Justeru itu kepuasan kewangan merupakan satu variabel penting dalam usaha peningkatan kepuasan dan produktiviti pekerja.

Dapatan kajian juga menunjukkan kesemua responden berpuas hati dengan tempat kerja mereka. Dapatan kajian ini sejajar dengan Teori Herzberg (1968) yang menyatakan peluang untuk berkembang, kemajuan dalam kerjaya dan pengiktirafan orang lain merupakan faktor motivasi yang mendorong seseorang individu secara intrinsik. Manakala keadaan tempat kerja merupakan salah satu faktor 'hygiene' yang bersifat ekstrinsik yang dapat menentukan perilaku seseorang dalam kehidupannya.

#### *Pandangan Guru Terhadap Sesi Penyelidikan Dan Kolokium Bagi Pelajar dan Guru Tingkatan 6*

Salah satu rasional sesi penyelidikan dimasukkan dalam jadual kegiatan Tingkatan 6 oleh Kementerian Pelajaran Malaysia adalah bertujuan untuk melatih pelajar memiliki kemahiran mencari bahan, mengekstrak isi-isi penting daripada karya-karya yang disorot dan menganalisis isi kandungan tersebut mengikut pendapat dan pandangan penyelidik. Hasil temu bual daripada 5 orang responden menunjukkan pendedahan teknik penyelidikan dan kolokium adalah berfaedah kepada pelajar dan merupakan satu perubahan yang baik. Contohnya sesi kolokium dapat menanam nilai ketabahan diri pelajar dan menajamkan kemahiran insaniah mereka seperti cara dan teknik penyampaian idea di khalayak ramai.

"Satu pendedahan kepada pelajar tingkatan 6 supaya mampu menjalankan penyelidikan dan melatih menabahkan hati semasa membuat pembentangan serta menajam kemahiran insaniah pelajar" (R3, R5, R6)

"Penyelidikan dan kolokium adalah baik untuk pelajar. Ini memberi pendedahan kepada pelajar tentang penyelidikan di samping menanam minda mereka terhadap sains...." (R4)

"Baik, kalau prasarana cukup untuk kegunaan pelajar dan guru ada pengalaman untuk mendidik/membimbing .." (R9)

Namun begitu terdapat 4 orang responden yang berpendapat hal penyelidikan dan kolokium ini, pelajar boleh belajar di universiti dan tidak diperlukan, bertindih dengan mata pelajaran sains.

"Redundansi. Boleh masuk dalam sukatan kerja amali untuk pelajar sains" (R2)

"...penyelidikan dan kolokium tidak banyak menambah pengetahuan dan tidak banyak membantu dalam peningkatan prestasi akademik pelajar" (R7)

"Buang masa sahaja" (R8)

"Adalah baik jika penyelidikan dan kolokium disingkatkan menjadi 1 waktu, lebih baik jika tidak tidak perlu buat sama sekali" (R10)

R1 enggan memberi sebarang komen sebab beliau kurang pasti keberkesanan dengan kemasukan sesi penyelidikan dan kolokium dalam jadual waktu.

"Sekarang hanya di peringkat awal, jadi mesti ada masalah 'teething', jadi terlalu awal untuk memberi komen" (R1)

Kemahiran guru Tingkatan 6 dalam membuat penyelidikan dan penulisan ilmiah merupakan ciri penting dalam pengajaran dan pembelajaran prauniversiti. Oleh demikian, penyelidikan dijadikan

amalan dan tugas utama di samping pengajaran dan pembelajaran. Ini disebabkan penyelidikan dapat membantu seseorang individu itu berfikir dengan lebih matang dan terbuka. Jadi, adalah menjadi harapan kementerian agar tugas guru Tingkatan 6 disetarakan dengan pensyarah di pusat-pusat prauniversiti (KPM, 2008).

Hasil kajian menunjukkan 6 orang responden tidak setuju dengan penglibatan guru dalam penyediaan laporan kajian dan menyertai kolokium kerana mereka berpendapat hal ini tidak ada kaitan langsung dengan proses pengajaran dan pembelajaran malahan tugas ini hanya membebankan guru.

"Menjadi satu beban kepada guru yang boleh menjejaskan prestasi dan hal ehwal guru" (R2)

"...memang banyak kerja untuk guru di samping kena mengejar menghabiskan sukatan yang luas" (R4, R7, R10)

"Guru perlu diberi kursus dan dilatih sebelum diarah membuat...." (R6, R7)

"Buang masa sahaja" (R8)

"Tidak sesuai, guru tiada masa untuk melakukannya" (R9)

#### *Pandangan Guru Terhadap Kekurangan-kekurangan Dalam Pelaksanaan Penjenamaan Semula Sistem Pentadbiran Tingkatan 6*

Kekurangan-kekurangan yang dibangkitkan oleh responden kajian boleh dirumuskan seperti kelonggaran dalam pemantauan pelaksanaan, pengurusan yang tidak sistematik, jadual dan kurikulum yang tidak fleksibel seperti kolej swasta. Selain itu, tidak terdapat buku teks yang sesuai, sukatan pelajaran baru terlalu berat.

#### *Cabaran Dan Harapan Guru Terhadap Penjenamaan Semula Sistem Pentadbiran Tingkatan 6*

Secara keseluruhan kualiti dan prestasi pelajar lepasan SPM yang menyambung pengajian mereka di Tingkatan 6 ini adalah rendah menurut pandangan responden. Hal ini membimbangkan guru kerana daya pnaakulan pelajar dan kefasihan dalam Bahasa Inggeris pelajar agak kekurangan. Masalah kualiti pelajar yang semakin merosot ini merupakan satu cabaran. Terdapat 3 orang responden yang ada keinginan untuk meluaskan pengetahuan diri mereka demi kebaikan murid dan prestasi sendiri. R3 berharap guru-guru lain menganggap penyelidikan sebagai sebahagian daripada tugas dan tanggungjawab mereka untuk menghadapi cabaran. Namun demikian, R6 pula menganggap masa kerja yang lama merupakan satu cabaran baginya. Dapatan kajian juga menunjukkan adalah amat penting bagi pihak pentadbir untuk memilih guru ke dalam kategori guru akademik Tingkatan 6 dengan adil untuk mengelakkan ketidakpuasan hati antara para guru sehingga menjejaskan perhubungan sosial dalam kalangan guru.

Responden kajian sangat tertarik dengan cadangan pemusatan Tingkatan 6. Mereka mengharapkan pengajian Tingkatan 6 dijadikan pilihan utama bagi pelajar yang ingin melanjutkan pelajaran ke menara gading. Mereka juga berharap pihak kerajaan dapat meningkatkan peluang insentif dan biasiswa yang menggalakkan kepada para pelajar. Tambahan pula, satu garis panduan yang lebih komprehensif untuk sukatan penyelidikan pelajar diperlukan. Guru perlu diberi kursus dan latihan pengurusan aktiviti kokurikulum dan penyelidikan yang lebih dinamik dan berkesan. Iklim pembelajaran yang lebih memberangsangkan interaksi antara guru dengan pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Peningkatan status dan kegemilangan Tingkatan 6 diperlukan. Mereka juga berharap pelantikan kenaikan pangkat dapat disegerakan, tahap kesukaran peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) diturunkan, perkongsian maklumat dalam kalangan guru digalakkan. Mereka juga berharap menambahkan waktu pengajaran mata pelajaran tetapi mengurangkan bilangan kelas.

Salah satu fokus cadangan yang dibawa masuk dalam reformasi sistem pentadbiran Tingkatan 6 ialah sistem semester seperti universiti dan pemusatan Tingkatan 6 di pusat khas. Lantaran itu, hasil kajian menunjukkan wujudnya keberkesanan pengurusan kerana kos pengurusan dapat dijimatkan dari

segi sumber tenaga pengajar di samping memudahkan perkongsian penggunaan alatan, kemudahan infrastruktur dan maklumat dalam kalangan guru. Selain itu, terdapat responden yang mencadangkan agar pihak pengurusan atasan harus lebih menumpukan perhatian terhadap pembangunan sumber manusia seperti guru yang berkualiti dan isu pembentukan sahsiah pelajar. Sistem semester ini dapat memendekkan masa persekolahan daripada satu tahun setengah menjadi satu tahun sahaja, maka akan diselarikan dengan program Matrikulasi dan prauniversiti lain di institusi swasta.

### **PERBINCANGAN DAPATAN KAJIAN PEMERHATIAN DAN ANALISIS DOKUMEN**

Hasil pemerhatian yang dilakukan semasa pengendalian sesi penyelidikan sebanyak tiga kali, dapat dirumuskan terdapat tiga masalah utama yang timbul. Pertama, pelajar didapati tidak melibatkan diri secara aktif dalam perbincangan kumpulan. Topik perbincangan mereka sering kali di luar skop penyelidikan yang diberi oleh guru dan banyak masa dibazirkan dalam perbualan tidak formal antara ahli-ahli kumpulan. Kedua, sesi penyelidikan dijalankan di dalam makmal komputer, pelajar telah menyalahgunakan kemudahan tersebut dengan melayari laman web yang tidak relevan pada hal mereka harus mencari dan mengumpul informasi yang berkaitan dengan topik penyelidikan mereka. Ketiga, pelajar tidak menjana sebarang idea yang bernas dalam perbincangan yang diperuntukkan pada akhir penyelidikan.

Bagi pemerhatian sesi kolokium, sebanyak dua kumpulan pelajar membentangkan hasil penyelidikan mereka. Pembentangan kumpulan A kurang lancar, hujah-hujah mereka kurang bernas dan mereka kurang berupaya untuk menjawab soalan-soalan yang dikemukakan oleh rakan lain. Kumpulan B pula dapat menonjolkan keupayaan mereka dalam pembentangan tersebut. Jelas kelihatan kumpulan B telah membuat persediaan yang rapi dalam perancangan isi-isi penyelidikan yang baik. Kolokium ini dapat berjaya mendedahkan pelajar dengan kemahiran insaniah yang diperlukan untuk menjadi pemimpin berwibawa pada masa depan.

Maklumat daripada analisis dokumen digunakan untuk membuat 'cross check' dengan data yang dikumpulkan daripada pemerhatian dan temu bual untuk mengkaji fenomena yang sama. Hasil kajian analisis dokumen menunjukkan pihak sekolah telah membuat pengagihan tugas berdasarkan arahan kementerian dari segi interaksi dalam bilik darjah, bilangan waktu mengajar, kokurikulum, penyelidikan, kolokium, persediaan, penilaian dan pentaksiran, global item dan penyelidikan. Jumlah waktu untuk memenuhi skop tugas adalah 37 waktu sepertimana yang dicadangkan dalam surat pekeliling KPM (KP(BS-MEN)303/01/03(2) yang bertarikh 10 April 2009. Empat folio daripada setiap responden telah dianalisis iaitu folio pengajaran dan pembelajaran, folio penyelidikan pelajar dan guru, folio penilaian dan taksiran, dan folio kokurikulum. Kandungan setiap folio didapati mencapai permintaan kementerian.

### **KESIMPULAN**

Dapatan kajian menunjukkan bahawa langkah-langkah menaikkan taraf Tingkatan 6 selaras dengan status pendidikan prauniversiti yang berperanan melengkapkan pelajar untuk menuntut ilmu dalam persekitaran institusi pengajian tinggi. Pengajian Tingkatan 6 merupakan salah satu sistem prauniversiti yang diiktiraf secara antarabangsa untuk kemasukan ke institusi pengajian tinggi. Adalah menjadi harapan kita agar pengajian Tingkatan 6 dapat menghasilkan bakal mahasiswa dan mahasiswi yang berkualiti, berdikari, berkaliber dan bersedia menghadapi cabaran dan beban tugas di Institusi Pengajian Tinggi kelak.



**RUJUKAN**

- Ab. Aziz Yusof. (2002). *Pengurusan Sumber Manusia: Konsep, Isu dan Pelaksanaan*. Selangor: Prentice Hall, Peasrosn Malaysia Sdn. Bhd.
- Gay, L.R. & Airasian, P. (1996). *Educational Research Competencies for Analysis and Applications*. 9th Ed. New Jersey: Pearson Education Inc.
- Gold, Y., & Roth, R.A. (1993). *Teachers Managing Stress and Preventing Burnout: The Professional Health Solution*. Washington, D.C.: The Falmer Press.
- Herzberg, F. (1968). One More Time: How Do you Motivate Employees? *Harvard Business Review* 46(1). pp53-62. OCLC 219963337.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2008). *Pembangunan Pendidikan 2001-2010*. KPM: Pusat Bandar Damansara, Kuala Lumpur.
- Surat Pekeliling KPM: KP(BS-MEN) 303/01/03(2). (10 April 2009). *Garis Panduan Pengurusan Tingkatan Enam*.
- Surat Pekeliling KPM: KP(BPSH-SPSM) 303/01/(4). (20 Mei 2009). *Bidang Tugas Guru Akademik, Guru Kokurikulum & Guru Amali Tingkatan 6*.